

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI KANAN KERAJAAN 1990
Lokasi : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN), BUKIT KIARA, KL
Tarikh : 28-02-1990

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Berbahagia Dr. Johari bin Mat, Ketua Pengarah INTAN; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama menghadiri majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada INTAN kerana menjemput saya sekali lagi untuk berucap dan seterusnya merasmikan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1990.

2. Pada mulanya kursus isteri-isteri pegawai kanan kerajaan ini adalah khusus untuk isteri-isteri diplomat dan pegawai-pegawai kanan yang akan berkhidmat di luar negeri.

Bagi menjamin perkongsian saksama dalam memperoleh kemudahan sumber maklumat serta peluang penyertaan, kursus ini telah diperluaskan kepada isteri-isteri pegawai kanan di jabatan- jabatan dan kementerian-kementerian untuk manfaat pembangunan negara. Ini amatlah sesuai dengan matlamat utama Dasar Wanita Negara yang mengutamakan penyertaan dan penglibatan aktif kaum wanita dalam proses pembangunan negara.

3. Peluang latihan ini diberikan untuk mengembangkan potensi individu dan peluang menyumbangkan peranan kita sebagai rakyat yang produktif. Ia juga dapat memperkembangkan potensi kita secara menyeluruh dan bersepadu supaya wujud keseimbangan dan harmoni daripada segi intelek, emosi dan jasmani. Berdasarkan matlamat tersebut, kursus ini merangkumi beberapa aspek kehidupan seseorang isteri pegawai kanan supaya dapat memainkan peranan kita dengan lebih berkesan dalam membantu tugas- tugas suami yang melibatkan aktiviti-aktiviti sosial, hubungan antarabangsa atau sebagai ahli masyarakat yang mempunyai kedudukan. Walaupun sumbangan puan-puan adalah secara tidak langsung tetapi ianya penting memandangkan puan-puan memainkan peranan yang 'supplementary' dan 'com- plimentary' kepada suami masing-masing.

Puan-puan sekalian,

4. Pembangunan ialah suatu proses yang memerlukan penglibatan sepenuhnya daripada setiap individu. Memandangkan peranan wanita yang semakin luas dan kompleks maka kursus ini diadakan dengan tujuan melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta teknik-teknik untuk meningkatkan kewibawaan dan kecekalan supaya lebih bersedia dalam menghadapi cabaran. Ianya menjadi lebih penting bagi isteri-isteri yang mengikuti suami mereka yang bertugas sebagai diplomat dan pegawai-pegawai kanan lain yang mewakili negara di seberang laut supaya dapat menyesuaikan diri daripada segi pergaulan, pakaian, tuturkata, budibahasa, tatasusila, sosial dan lain-lain lagi.

5. Aspek-aspek seperti warisan sejarah tanahair, perkembangan politik, perlembagaan dan kerajaan, kesenian dan kebudayaan yang diberikan penekanan dalam kursus ini akan dapat meninggikan kefahaman mengenai Malaysia dalam usaha untuk menjaga dan memelihara imej negara pada pandangan negara luar. Peranan menyebarkan maklumat ini dapat dilakukan semasa menghadiri majlis-majlis perjumpaan, jamuan dan perbincangan. Tugas ini hanya boleh dilakukan sekiranya kita mengetahui tentang hal-hal negara dan antarabangsa. Selain daripada majlis-majlis formal, puan- puan juga boleh mengadakan pertunjukan-pertunjukan fesyen, pameran kraftangan atau pertunjukan kebudayaan untuk memperkenalkan negara kita kepada masyarakat asing. Usaha- usaha ini bukan sahaja selaras dengan usaha kita menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah pusat pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia tetapi dapat menguntungkan Malaysia daripada segi hubungan

perdagangan serta pembangunan ekonomi.

6. Sekiranya kita ingin menjadikan negara ini sebagai negara terkemuka di dunia, kita perlu perluaskan pengetahuan masyarakat dunia mengenai kebudayaan kita. Budaya sesuatu masyarakat adalah faktor utama yang akan menentukan maju mundurnya masyarakat itu. Budaya bukan sahaja dicerminkan oleh kesenian tetapi lebih penting ialah nilai-nilai yang diamalkan. Saya ingin menyarankan supaya anak-anak muda dipupuk dengan nilai-nilai murni dengan memberi didikan agama secukupnya serta menyemai semangat dan perasaan kesetiaan dan cintakan tanahair sendiri. Dengan adanya didikan yang cukup dan sempurna serta perasaan kesetiaan maka anak-anak muda ini dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di negara asing dan tidak terbawa-bawa dengan arus budaya luar serta dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej negara.

Puan-puan sekalian,

7. Pemahaman mengenai dasar luar dan dalam negara amatlah penting. Penerangan dan penjelasan mengenai sesuatu dasar akan dapat meninggikan pengetahuan dan kesedaran puan-puan terhadap isu-isu serta segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan.

8. Satu persoalan lain yang penting ialah perkara berkaitan dengan kesihatan. Kesihatan akan mencerminkan kedudukan dan taraf hidup seseorang itu. Kesihatan penting untuk wanita sebagai ibu dan pengasuh anak-anak dan mereka boleh mempengaruhi kesihatan seluruh keluarga dan masyarakat. Itulah sebabnya antara perkara-perkara yang diberikan penekanan dalam kursus ini ialah aspek penjagaan diri dan kesihatan badan.

9. Kursus ini juga menekankan aspek-aspek komunikasi, ucapan awam, cara mengendalikan mesyuarat dan bagaimana untuk menguruskan masa dengan lebih berkesan dengan tujuan membentuk sifat kepimpinan serta memupuk semangat kerjasama di kalangan peserta. Inilah peluang yang baik untuk mempelajari dan mendalami serta berbincang sesama sendiri mengenai cara yang baik untuk membahagikan masa antara tugas-tugas di rumah dengan aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan. Penglibatan puan-puan dalam pertubuhan- pertubuhan sukarela dan kebajikan seperti PUSPANITA, BAKAT dan sebagainya juga penting untuk memprojeikan imej negara dan juga meningkatkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara. Di negara-negara yang membangun, peranan wanita di dalam pembangunan negara terutama dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan sangat dititik-beratkan.

Puan-puan sekalian,

10. Untuk membolehkan kita berbincang dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan terutama mengenai hal ehwal semasa serta untuk membolehkan kita mengikuti perkembangan yang berlaku di merata dunia, selain daripada perlu mempunyai kebolehan berkomunikasi, kita perlulah banyak membaca. Sebagaimana kita semua maklum, tahun 1988 telah diisytiharkan sebagai tahun membaca. Kempen ini adalah suatu usaha untuk menambahkan bilangan rakyat yang berilmu pengetahuan dan berfikiran luas. Wajarliah puan-puan memainkan peranan aktif menggerakkan minat setiap ahli keluarga untuk meningkatkan minat membaca. Hanya melalui pembacaan kita boleh menimba ilmu pengetahuan yang banyak.

11. Seperkara lagi yang ingin saya tekankan di sini ialah penggunaan bahasa Inggeris. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris digunakan secara meluas di luar negeri dan juga oleh pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Oleh itu saya berharap puan-puan akan lebih kerap dan berani menggunakannya. Sekiranya belum fasih bertutur bahasa Inggeris, adalah disarankan supaya mempelajarinya dengan lebih mendalam, membaca buku-buku Inggeris supaya dapat menggunakannya dengan betul.

Mempelajari bahasa asing mendatangkan lebih manfaat kerana kita bukan sahaja berpeluang mempelajari aspek-aspek tertentu dengan menghadiri kursus-kursus atau seminar- seminar antarabangsa, tetapi kita juga dapat menyebarkan pengetahuan mengenai Malaysia dan secara tidak

langsung menggalakkan para pelancong datang ke Malaysia. Kalau puan- puan berpeluang dan mempunyai minat, pelajarilah sebanyak mungkin bahasa-bahasa asing yang boleh supaya dapat mempertingkatkan kewibawaan dan kebolehan diri puan-puan sendiri.

Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Kerajaan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan setiap rakyat negara ini menikmati taraf hidup yang tinggi dan selesa. Daripada segi politik, sosio- ekonomi dan keselamatan pula, negara kita amat bertuah kerana negara ini aman damai, masyarakatnya hidup harmoni, kestabilan politik dan kedudukan ekonomi yang semakin kukuh. Usaha menarik pelabur-pelabur asing dipergiatkan kerana dengan adanya perindustrian dalam negara, rakyat akan dapat peluang pekerjaan. Industri pelancongan diperhebatkan supaya lebih ramai lagi pelancong mengenali Malaysia dan melawat negara ini. Selain daripada memperkenalkan negara kita kepada para pelancong, rakyat – pemandu-pemandu teksi, pekedai-pekedai, pengurusan hotel dan sebagainya akan mendapat manfaat.

13. Oleh itu, sebagai rakyat negara yang bertuah ini, kita seharusnya bersyukur dengan nasib baik kita di negara ini dan tidak melakukan sesuatu yang akan menjejaskan imej negara. Malangnya terdapat pihak-pihak tertentu di seberang laut yang memburuk-burukkan imej negara. Seseorang yang cintakan tanahairnya akan mengelakkan diri daripada perbuatan-perbuatan yang kurang sopan, mengeluarkan kata- kata yang anti-kerajaan atau isu-isu sensitif. Seseorang isteri hendaklah mengetahui peranannya dan setakat mana ia boleh melakukannya supaya disegani dan dihormati oleh masyarakat Malaysia di seberang laut dan orang-orang tempatan.

14. Oleh itu, kursus INTAN ini amat penting sekali untuk melengkapkan puan-puan dengan pengetahuan dan maklumat yang akan memberi keyakinan dan panduan kepada puan-puan.

15. Saya berharap puan-puan akan mengikuti kursus yang dikelolakan oleh INTAN ini dengan penuh tumpuan dan minat serta ketekunan supaya usaha ini tidak disia-siakan. Semoga dengan pengetahuan yang akan diperolehi dapat menambahkan lagi keyakinan diri dalam menjalankan tugas-tugas harian atau membantu tugas-tugas harian suami masing-masing. Saya mendoakan agar puan-puan akan maju jaya dalam peranan dan tanggungjawab masing-masing.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1990 kali yang ketigabelas dibuka dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.